

MAHATHIR-ANWAR

1984

KUALA LUMPUR, 1 MEI (BERNAMA) -- KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, ENCIK ANWAR IBRAHIM HARI INI S BERIKRAR MENYOKONG PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG TELAH BERJAYA MEMBAWA PERUBAHAN SELARAS DENGAN CITA-CITA PEMUDA UMNO.

BELIAU MENGULANGI TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PERGERAKAN ITU PERLU MENENTANG PERDANA MENTERI MEMANDANGKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MELAKSANAKAN SEGALANILAI-NILAI ISLAM.

+ PEMPIMPIN YANG KITAKASIH INI TELAH MEMBERI PENEKANAN KEPADA DASAR-DASAR YANG MENINGGIKAN MARUAH NEGARA SEPERTI TIDAK MENGAJAR KITA MALAS... TETAPI JIKA BELIAU MENYELEWENG DARI ITU SUDAH TENTU KITA MENENTANGNYA, + TAMBAH BELIAU.

IKRAR TERBUKA ITU DIBUAT BAGI PIHAK PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI DEPAN PERDANA MENTERI YANG MELANCARKAN YAYAS ANGERAK BAKTI PEMUDA ANJURAN PERGERAKAN ITU. DATUK SERI DR. MAHATHIR ADALAH PENAUNG YAYASAN ITU.

TERDAHULU DARI ITU, BELIAU TELAH MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN MENYATAKAN SYUKURNYA KERANA PERDANA MENTERI MENANG TANPA BERTANDING BAGI MEMEGANG JAWATAN PRESIDEN UMNO. --LAGI 2040/HM

ZCZC B632

MAHATHIR-ANWAR 2 KUALA LUMPUR --

SEBELUM ITU ANGGOTA EXCO PEMUDA UMNO, HAJI KHALID YUNUS JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI BAGI PIHAK SEMUA ANGGOTA PERGERAKAN DAN BERHARAP TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM DAN ENCIK ANWAR MASING-MASING YANG AKAN BERTANDING MENGEXALKAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN KETUA PEMUDA UMNO JUGA TIDAK DITENTANG.

+ KAMI TETAP MEMBERIKAN SOKONGAN TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA PIMPINAN MAHATHIR-MUSA SERTA ENCIK ANWAR. JIKA PERTANDINGAN TETAP BELAKU, SIKAP TEGAS PEMUDA UMNO MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA PARA PEMPIMPIN INI TERUS DIPERTAHANKAN, + TAMBAHNYA DENGAN DISAMBUK TEPUK GEMURUH PARA ANGGOTA PEMUDA UMNO YANG MENGHADIR UPACARA PELANCARAN ITU.

HAJI KHALID JUGA MEMBERI JAMINAN PERGERAKAN ITU AKAN MEMINKAN PERANAN UNTUK MENJAMIN KEMENANGAN ENCIKANWAR.

TURUT HAGIR DI UPACARA ITUIALAH TIMBALAN MENTERI TENAGA-TELEKOM DAN POS, DATUK HAJI-SUHAIMI DATUK KAMARUDDIN YANG TELAH MENGUMUMKAN AKAN BERTANDING MENENTANG ENCIK ANWAR DALAM PEMILIHAN PARTI 25 MEI INI. --LAGI 2050/HM

ZCZC B633

MAHATHIR-ANWAR 3 KUALA LUMPUR

HAJI HHALID BERKATA ADALAH TIDAK DINAFIKAN BAHAWA ENCIK ANWAR TELAH MENUNJUKKAN KEMAMPUAN SEBAGAI PEMPIMPIN PEHUDA UMNO DAN BERJAYA MENJALANKAN PROSES +CHECK DAN BALANCE+ DALAM PERGERAKAN ITU.

+ ENCIKANWAR TELAH MENUNJUKKAN SATU CORAK DAN TAHAP KEPIMPINAN YANG PATUT DIBERI PENILAIAN POSITIF OLEH PEMUDA UMNO, + TAMBAHNYA.

DATUK SUHAIMI BARU-BARU INI SEMASA MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA INGIN BERTANDING MEREBUT KEMBALI JAWATAN KETUA PEMUDA UMNO BERKATA BELIAU AKAN MEMPASTIKAN PEMUDA UMNO MENJADI +CHEK DAN BALANCE+ KEPADA KERAJAAN SEKIRANYA BELIAU MEMENANGI PERTANDINGAN ITU. --BERNAMA 2057/HM